

20/09/2001

10,000 dijangka sertai Hari Peneroka Kebangsaan

KUALA LUMPUR, Rabu - Sambutan Hari Peneroka peringkat kebangsaan yang akan diadakan di Terengganu, 27 Oktober ini, dijangka dihadiri lebih 10,000 peneroka dari seluruh negara.

Sambutan sehari itu dijangka dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Felde Kerteh, Dungun, Terengganu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr Robia Kosai, berkata lebih 10,000 wakil peneroka, termasuk anak peneroka dan pegawai Felde akan menghadiri sambutan itu.

"Sudah lima tahun kita tidak menganjurkan sambutan ini. Kali terakhir kita adakan di Felde Bukit Tinggi, Kedah pada 1996 lalu.

"Pada tahun ini, kita memutuskan mengadakan sambutan Hari Peneroka peringkat kebangsaan di Felde Kerteh," katanya di sini.

Beliau yang juga jawatankuasa penganjur sambutan, berkata ia bertujuan merapatkan hubungan antara peneroka di seluruh negara selain dengan kerajaan dan pengurusan Felde.

"Dengan cara ini, kerajaan dapat mengetahui masalah yang mereka hadapi, sekali gus mampu mencari jalan penyelesaian," katanya.

Beliau berkata, sambutan itu boleh dianggap sebagai Hari Keluarga seperti yang sering diadakan oleh kementerian untuk kakitangan bawahan mereka.

"Mungkin selepas ini kita akan memikirkan bagi mengadakan sambutan ini setiap tahun atau dua tahun sekali," katanya.

Sempena sambutan Hari Peneroka, pelbagai aktiviti termasuk sukaneka, pameran serta jualan pelbagai produk hasil keluaran anak-anak peneroka di seluruh negara akan diadakan.

(END)